

Akta Kerja: Lagi gabungan pertikai MTUC, desak piket nasional kedua
The Malaysian Insider
12 Disember, 2011
Oleh G Manimaran

KUALA LUMPUR, 12 Dis — Kritikan ke atas pendirian kepimpinan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) berhubung isu pindaan Akta Kerja 1955 meningkat sementara bahagian Selangor-Wilayah Persekutuan menggesa badan induk kesatuan sekerja itu mengadakan piket peringkat nasional kedua.

MTUC telah mengadakan piket peringkat nasional pada 3 November lalu susulan piket di pekarangan bangunan Parlimen 3 Oktober memprotes peruntukan baru sistem kontraktor bagi tenaga kerja.

Perhimpunan MTUC peringkat Selangor-Wilayah Persekutuan pula telah diadakan 2 Disember lalu.

Pengerusi MTUC bahagian Selangor-Wilayah Persekutuan N Gopal Kishnam berkata, "kami tidak tahu apa perkembangan selepas mesyuarat majlis am bulan lalu dan perhimpunan peringkat Selangor-Wilayah Persekutuan."

"Sepatutnya, susulan perhimpunan 2 Disember (di Shah Alam), yang dianjurkan MTUC Selangor-Wilayah Persekutuan, MTUC pusat memanggil mesyuarat dan membincangkan tindakan susulan, ketika Dewan Negara hendak membahaskan rang undang-undang ini," kata beliau dengan merujuk kepada perbahasan yang dijadualkan pada Khamis ini.

"Kalau anda tanya saya, saya mahu MTUC mengadakan piket peringkat nasional yang kedua kerana Kementerian Sumber Manusia dan kerajaan masih membisu dalam hal ini," katanya yang kelihatan kecewa dengan perkembangan semasa.

Kata beliau, nampaknya pentadbiran Najib hanya mahu mendengar suara satu kesatuan sedangkan pandangan majoriti MTUC tidak mahu dilayan.

Gopal Kishnam berkata beliau difahamkan MTUC bahagian lain juga melahirkan hasrat untuk mengadakan perhimpunan peringkat masing-masing.

Beliau melahirkan pendirian ini selepas sebuah anggota gabungan MTUC semalam mendakwa badan induk pekerja itu kelihatan seolah-olah tidak proaktif dalam isu pindaan Akta Kerja 1955 sementara Dewan Negara dijadual membahaskannya minggu ini.

Kesatuan Pekerja-pekerja KTM Berhad memberi kata dua agar membincangkan pendirian terkini MTUC dengan memanggil mesyuarat majlis am tergepar dan jika tidak, mahu kesemua pemimpin kongres itu meletakkan jawatan.

Presiden Kesatuan Pekerja-pekerja KTM Berhad Abdul Razak Md Hassan berkata, pihaknya terkilan apabila pertubuhan bukan kerajaan sudah mula mendahului MTUC dengan sanggup mengadakan demonstrasi di pekarangan bangunan Parlimen pada 15 Disember ini.

"Kesatuan Pekerja-pekerja KTM Berhad terpanggil untuk menyampaikan rasa terkilan

dengan tindakan MTUC yang bergerak terlalu perlahan mengenai pindaan Akta Kerja," kata Razak kepada The Malaysian Insider.

Malah, menurut Razak, pihaknya juga rasa hairan kerajaan pertubuhan bukan kerajaan Jerit seolah-olah mengambil peranan MTUC dengan mengadakan demonstrasi di kawasan Parlimen Khamis ini.

"Sedangkan MTUC adalah badan induk gabungan kesatuan sekerja yang mewakili kaum pekerja tidak memainkan peranan sehingga Kesatuan Pekerja-pekerja KTM Berhad sebagai ahli gabungan tidak mendapat sebarang perkembangan," kata beliau.

Sehubungan itu kata beliau, kesatuannya mahu kepimpinan MTUC mengadakan mesyuarat majlis am tergepar seberapa segera sebelum Rabu ini agar kesemua gabungan diberi penjelasan seterusnya membincangkan tindakan selanjutnya.

Ekoran pendirian kesatuan itu, Setiausaha Kewangan MTUC Alias Awang Ibrahim juga menggesa agar diadakan satu mesyuarat tergepar bagi membincangkan isu pindaan Akta Kerja.

"Saya, selaku setiausaha agung Kesatuan Pekerja-pekerja Industri Minuman menyokong desakan Kesatuan Pekerja-pekerja KTM Berhad agar diadakan mesyuarat tergepar sebelum Rabu ini bagi membincangkan tindakan selanjutnya dan mendapatkan penjelasan daripada pemimpin-pemimpin MTUC yang hadir mesyuarat dengan Kementerian Sumber Manusia," katanya.

Difahamkan rombongan lima wakil MTUC menghadiri satu pertemuan dengan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia di Putrajaya, Jumaat lalu.

Alias Awang berkata, pihaknya difahamkan ada satu dua kesatuan sudah menghantar notis agar diadakan mesyuarat tergepar majlis am MTUC.

"Saya juga difahamkan oleh setiausaha agung MTUC bahawa kementerian hanya mempelawa lima wakil MTUC untuk menghadiri mesyuarat minggu lalu. Saya difahamkan pertemuan itu membincangkan aspek penguatkuasaan peraturan, bukannya membatalkan pindaan Akta Kerja berkaitan dengan sistem kontraktor bagi tenaga kerja.

"Bermakna MTUC bersetuju dengan pindaan Akta Kerja, bercanggah dengan hasil mesyuarat majlis am yang menolak peruntukan kontraktor bagi tenaga kerja. Jadi kami, kesatuan gabungan memerlukan penjelasan," kata beliau.

Usaha The Malaysian Insider mendapatkan komen presiden dan setiausaha agung MTUC sehingga pagi ini masih belum berhasil.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/akta-kerja-lagi-gabungan-pertikai-mtuc-desak-piket-nasional-kedua/>